

UCAPAN ALUAN

Y.BHG. PROF. DR. ZULKIFILIE IBRAHIM

TNC (A&A) UTeM

MAJLIS ANUGERAH SUKAN MASUM (ASM) 2019

10 Februari 2022 (Khamis) | Holiday Inn, Melaka | 8.00 malam

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar

Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi

YBhg. Dr. Mohd Zabri Bin Yusoff

Timbalan Ketua Setiausaha

Pengurusan dan Pembangunan

Kementerian Pengajian Tinggi

Yang Hormat Prof. Dato' Ts. Dr. Yusserie bin Zainudin

Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMP

Merangkap **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pengerusi Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor UKM

YBhg Datuk Mohd Riduan Bin Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali
Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM)

YBhg. Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Timbalan - timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar IPTA

Ahli - Ahli Majlis MASUM

Para Pegawai Kanan Universiti & Kementerian, Rakan Media ,

Para Atlet serta Hadirin Hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Prof. Dr. Ghazali Omar, Menjalankan Fungsi Naib Canselor. Beliau mohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama hadir ke majlis malam ini kerana masalah kesihatan yang tidak dapat dielakkan. Beliau sampaikan salam kepada semua, dan mendoakan agar majlis pada malam ini berjalan dengan lancar.
2. Justeru, izinkan saya untuk menyampaikan ucapan aluan.
3. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SWT kerana diatas limpa kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini bersempena **Majlis Anugerah Sukan MASUM 2019**.

4. Bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTeM selaku tuan rumah Majlis ASM 2019, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi kerana sudi memenuhi jemputan untuk merasmikan Majlis Anugerah Sukan MASUM 2019.
5. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih kepada TKSU, Pengurus MASUM, Naib Canselor UKM, Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka dan wakil-wakil Universiti. Terima kasih kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada UTeM untuk menjadi tuan rumah majlis pada malam ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

6. Walaupun penularan pandemik COVID-19 di negara kita masih belum berpenghujung, namun saya yakin, berbekalkan disiplin dan penjagaan SOP yang tinggi, majlis yang telah tertanggung hampir 3 tahun ini masih dapat dianjurkan dalam situasi norma baharu. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak pengajur yang diketuai oleh Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM yang telah bertungkus-lumus menyusun strategi dan gerak kerja dalam memastikan majlis ini dilaksanakan dengan jayanya.

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hadirin sekalian,

7. Platform seumpama MASUM ini berupaya memartabatkan dan merancakkan lagi bidang kesukanan peringkat IPT, sekali gus melahirkan atlet harapan negara yang berstatus “World Class”.
8. Sebagai contoh, beberapa orang atlet UTeM sendiri telah menyerlah dalam beberapa kategori sukan MASUM, seperti pencak silat, rowing, e-sukan dan taekwando. Lebih menarik lagi, menerusi platform MASUM ini juga, tiga orang atlet UTeM telah terpilih mewakili Malaysia dalam Pertandingan Taekwondo Peringkat Antarabangsa Terbuka di Korea Selatan pada 2018 dan telah meraih pencapaian membanggakan kepada UTeM, KPT dan negara sendiri.

Hadirin sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar platform kesukuanan seperti MASUM ini turut dijadikan salah satu instrumen penting dalam mengeratkan lagi ukhuwah perpaduan dan integrasi sesama kita. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada KPT dan MASUM. Syabas dan tahniah kepada pihak pengajur dan semua jawatankuasa Kerja dan Sekretariat yang terlibat dalam penganjuran **Anugerah Sukan MASUM 2019.**

Berkualiti rehat minda yakin,
Semua halangan mudah dicara,
Atlet sihat menjadi pemangkin,
Kepada kecemerlangan sukan negara.

Sekian, terima kasih.